

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 APRIL 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	PAC panggil 10 Kementerian perjelaskan isu kelemahan	Berita Harian
2.	PAC panggil 10 Kementerian berhubung Laporan Ketua Audit Negara	Utusan Malaysia
3.	PAC akan panggil 10 Kementerian	Sinar Harian
4.	PAC akan panggil 10 Kementerian berdasarkan isu berbangkit Laporan Ketua Audit Negara 2014	BERNAMA
5.	PAC to call 10 ministries over problematic projects	The Sun
6.	PAC to quiz ministries, agencies	New Straits Times
7.	Spotlight on 'less popular' ministries	The Star
8.	Scrap non-performing GLCs, says PAC	Malay Mail
9.	Cuaca bukan punca nahas	Utusan Malaysia
10.	Yuri's night di Planetarium Negara pada 12 April	BERNAMA
11.	TPM Biotech sasar raih pendapatan RM5.49 juta	Berita Harian
12.	TPM Biotech sasar pendapatan US\$1.5 juta susulan kerjasama Arman Muslim Food	BERNAMA
13.	Teratai Tenang syarikat bumiputera pertama keluar air mineral di Pantai Timur	BERNAMA

PAC panggil 10 kementerian perjelaskan isu kelemahan

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil 10 kementerian bagi memberi keterangan berhubung kelemahan pelaksanaan program dan projek seperti dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2014 yang dikeluarkan semalam.

Ia membabitkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); Kementerian Pertahanan (MINDEF); Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Kewangan (MOF); Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM); Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW); Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKM); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Pelbagai isu penting
Pengerusi PAC, Datuk Nur Ja-

zlan Mohamed, berkata antara isu penting dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2014 adalah tiga projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah di bawah KPKT yang dilaksanakan secara rundingan terus dan mengalami masalah.

Penjelasan juga, katanya, perlu diberikan bagi dua projek di bawah MINDEF berbentuk rundingan terus dan bermasalah membabitkan Pengurusan Prasarana dan Transit Kuala Lumpur dan pembinaan serta pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak, di sini.

“Kami juga mendapati kelemahan pengurusan kuarters polis di bawah KDN, selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah KPWKM.

“Beberapa isu berkaitan lain, termasuk MOF membabitkan Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd dan Perbadanan Putrajaya, selain pengurusan

RISDA di bawah KKLW,” katanya selepas mempergeserikan mesyuarat PAC di bangunan Parlimen, semalam.

Nur Jazlan berkata, KKM pulak berkaitan projek infrastruktur jalur lebar di Sabah dan Sarawak, projek TPM Biotech di bawah MOSTI serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Pantau program

Katanya, PAC akan memantau program dimainkan kementerian seperti MOSTI kepada masyarakat, selain keberkesanan program KPDNKK serta Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dalam menganjurkan latihan keusahawanan.

“Kerajaan juga perlu menilai semula tawaran rundingan terus serta reka dan bina, khususnya dalam bidang pembinaan kerana ia mendatangkan masalah,” katanya sambil menegaskan, cadangan PAC supaya subsidi beras Super Tempatan (ST15) digantung sementara bertujuan mempertularkan program yang menyebabkan pembaziran atau penyelewengan.



“Kerajaan juga perlu menilai semula tawaran rundingan terus serta reka dan bina, khususnya dalam bidang pembinaan kerana ia mendatangkan masalah”

Nur Jazlan Mohamed,
Pengerusi PAC

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

PAC panggil 10 kementerian berhubung Laporan Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 6 April - Sebanyak 10 kementerian akan dipanggil oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum sesi Parlimen akan datang bagi memberi keterangan berhubung kelemahan pelaksanaan program dan projek, seperti dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 yang dikeluaran hari ini.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, kementerian

tersebut adalah Kementerian Kesrajaeraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Kewangan; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu, katanya, PAC akan memanggil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kemen-

terian Komunikasi dan Multimedia; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Beliau berkata, antara isu penting yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah berhubung tiga projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan berbentuk projek rundin terus mengalami masalah.

"Penjelasan juga bakal dituntut bagi dua projek di bawah Kementerian Pertahanan berbentuk rundin terus dan bermasalah membabitkan Pengurusan Prasarana dan Transit Kuala Lumpur dan pembinaan serta pengurusan Wisma Perwira, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak di sini.

"Jawatankuasa itu juga mendapati kelemahan terhadap pengurusan kuarters polis yang tidak sempurna di bawah Kementerian Dalam Negeri, selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Beberapa isu lain berkaitan termasuk Kementerian Kewangan membabitkan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. dan Perbadanan Putrajaya selain Pengurusan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah," katanya dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat PAC di Bangunan Parlimen hari ini.

PAC akan panggil 10 kementerian

KUALA LUMPUR - jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan memanggil 10 kementerian sebelum sesi Parlimen akan datang untuk memberi keterangan berhubung kelemahan pelaksanaan program dan projek berkaitan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, kementerian terbabit ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah; Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Kewangan; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan



NUR JAZLAN

Masyarakat (KPWKM).

Kementerian lain ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW); Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM); **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP)," kata-nya kepada media selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Nur Jazlan berkata, antara isu penting yang berbangkit dalam Laporan Audit tahun ini ialah berhubung tiga projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah di bawah KDN selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah KPWKM.

Menurutnya, penjelasan juga bakal dituntut bagi dua projek di bawah Kementerian Pertahanan yang berbentuk rundingan terus dan bermasalah membabitkan Pengurusan Prasarana dan Transit Kuala

Lumpur dan pembinaan serta pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak.

Katanya, jawatankuasa itu juga mendapati kelemahan terhadap pengurusan kuarters polis yang tidak sempurna di bawah KDN selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah KPWKM.

"Beberapa isu lain berkaitan termasuk Kementerian Kewangan yang melibatkan Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd dan Perbadanan Putrajaya selain Pengurusan Risma di bawah KKLW.

"Kementerian akan memanggil KKMM bagi projek infrastruktur jalur lebar untuk orang ramai di Sabah dan Sarawak, projek TPM Biotech di bawah Mosti dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim)," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan Laporan Ketua Audit Negara 2014 pada tahap baik berikutan laporan awal tahun itu melibatkan nilai perbelanjaan projek yang sedikit berbanding pada akhir tahun.

Nur Jazlan berkata, pihaknya akan memantau program kementerian seperti fungsi Mosti dalam memainkan peranan kepada masyarakat selain keberkesanan program KPDKKK dan Perbadanan

Nasional Berhad (PNS) untuk menganjurkan latihan keusahawanan.

Beliau berkata, kerajaan perlu menilai semula projek yang melibatkan rundingan terus dan *design and build* khususnya dalam bidang pembinaan kerana mendatangkan masalah.

Mengenai cadangan PAC agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggantung sementara program subsidi beras Super Tempatan (ST15), katanya, jawatankuasa itu menegur program yang tidak mencapai matlamat.

"PAC akan memperbetulkan program yang berlaku pembaziran ataupun berlaku penyelewengan," katanya. - Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)



PAC Akan Panggil 10 Kementerian Berdasarkan Isu Berbangkit Laporan Ketua Audit Negara 2014

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil sepuluh kementerian sebelum sesi Parlimen akan datang untuk memberi keterangan berhubung kelemahan pelaksanaan program dan projek berkaitan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014.

Pengerusi PAC Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata kementerian terbabit ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah; Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Kewangan; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Kementerian lain ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW); Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM); **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di bangunan Parlimen di sini, Isnin.

Nur Jazlan berkata antara isu penting yang berbangkit dalam Laporan Audit tahun ini ialah berhubung tiga projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah yang berbentuk projek rundingan terus mengalami masalah.

Penjelasan juga bakal dituntut bagi dua projek di bawah Kementerian Pertahanan yang berbentuk rundingan terus dan bermasalah membabitkan Pengurusan Prasarana dan Transit Kuala Lumpur dan pembinaan serta pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak.

Katanya jawatankuasa itu juga mendapati kelemahan terhadap pengurusan kuarters polis yang tidak sempurna di bawah KDN selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah KPWKM.

Menurutnya, beberapa isu lain berkaitan termasuk Kementerian Kewangan yang melibatkan Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd dan Perbadanan Putrajaya selain Pengurusan RISDA di bawah KKLT.

"Kementerian akan memanggil KKMM bagi projek infrastruktur jalur lebar untuk orang ramai di Sabah dan Sarawak, **projek TPM Biotech di bawah MOSTI** dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan Laporan Ketua Audit Negara 2014 pada tahap baik berikutan laporan awal tahun itu melibatkan nilai perbelanjaan projek yang sedikit berbanding pada akhir tahun.

Nur Jazlan berkata pihaknya akan memantau program kementerian seperti fungsi MOSTI dalam memainkan peranan kepada masyarakat selain keberkesanan program KPDNKK dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) untuk menganjurkan latihan keusahawanan.

Beliau berkata kerajaan perlu menilai semula projek yang melibatkan rundingan terus dan 'design and build' khususnya dalam bidang pembinaan kerana mendatangkan masalah.

Mengenai cadangan PAC agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggantung sementara program subsidi beras Super Tempatan (ST15), katanya jawatankuasa itu menegur program yang tidak mencapai matlamat.

"PAC akan memperbetulkan program yang berlaku pembaziran ataupun berlaku penyelewengan," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 7 APRIL 2015 (SELASA)

PAC to call 10 ministries over problematic projects

THE Public Account Committee (PAC) will summon 10 ministries and several agencies to explain weaknesses in the projects implemented by them and highlighted in the first series of the 2014 Auditor-General's Report released in the Dewan Rakyat yesterday.

PAC chairman Datuk Nur Jazlan Mohammed said the ministries are the Sabah Housing and Local Government Ministry; Defence Ministry; Home Ministry; Finance Ministry; Natural Resources and Environment Ministry and Women, Family and Community

Development Ministry.

The others are Rural and Regional Development Ministry; Communications and Multimedia Ministry; Science, Technology and Innovation Ministry and the Domestic Trade, Cooperative and Consumerism Ministry, he told reporters after chairing the PAC meeting at the Parliament House yesterday.

Nur Jazlan said although the amount of funds involved in the projects was not large, it still concerns ministries and agencies which have not previously been called up by the committee, including Science, Technology

and Innovation Ministry, National Population and Family Development Board Malaysia and Forest Research Institute Malaysia.

"It is our responsibility to look into these issues and probe further into the cases which have been highlighted in the AG's report," he said.

Nur Jazlan added that these ministries and agencies are expected to be called up before the beginning of the next parliamentary session in June.

He also pointed out that projects procured through direct negotiations remain problematic.

Meanwhile, Bernama quoted Nur Jazlan as saying that among major issues raised in the Auditor-General's Report were weaknesses found in three People's Housing Projects in Sabah implemented by the State Housing and Local Government Ministry through direct negotiations.

He said explanation would also be sought for two problematic projects under the Defence Ministry involving the construction and management of the Armed Forces' Wisma Perwira in Jalan Padang Tembak.

■ S

PAC to quiz 10 ministries, agencies

CLARIFICATION: It's to probe into issues found in report, says chairman

KUALA LUMPUR

The Public Accounts Committee (PAC) will question 10 ministries and several government agencies to clarify issues brought up in the 2014 (series one) of the Auditor General's Report.

PAC chairman Nur Jazlan Mohamed said the ministries and agencies involved would be called up before the next parliamentary session in June.

"It is our responsibility to look into the issues highlighted in the report. We are calling in some ministries that we have never called before, including the Science, Technology and Innovation Ministry," he said after a briefing by Auditor-General Tan Sri Ambrin Buang on the report



in Parliament yesterday.

The Urban Wellbeing, Housing and Local Government Ministry was expected to provide an explanation on three incomplete People's Housing Programme projects in Sabah.

PAC is expected to investigate the Home Ministry on the issue of unsatisfactory police quarters; the Women, Family and Community Development Ministry on the implementation of its free mammogram programme; and the Natural Resources and Environment Ministry on its management of the For-

est Research Institute Malaysia.

Other ministries include the Finance Ministry, Rural and Regional Development Ministry, Defence Ministry, Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism Ministry, and Communication and Multimedia Ministry.

Jazlan said projects that went through the direct negotiation process continued to be the most problematic, especially in the construction sector.

"The People's Housing Programme in Sabah and the construction of the Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia building in Kuala Lumpur are facing major problems, and they were awarded through the direct negotiation process.

"Whenever suitable, it's best to have an open tender system. Direct negotiation is unnecessary, for instance, for construction projects as there are many contractors."

He said the awarding of contracts and projects was up to the government, but direct negotiations were more suitable for projects where few companies had the expertise.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)

Spotlight on 'less popular' ministries

THE issues highlighted in the Auditor-General's report this time do not involve large amount of funds, but they concern ministries and agencies which have not been called up by the Public Accounts Committee (PAC) previously.

"It gives us the opportunity to check on these less popular ministries and inform the public of their activities," PAC chairman Datuk Nur Jazlan Mohamed told reporters after a meeting with Auditor-General Tan Sri Ambrin Buang yesterday.

These will be part of 10 federal ministries, as well as several statutory bodies, that will be hauled up

PAC to check on their activities and weaknesses

by PAC to explain weaknesses and discrepancies in their projects highlighted in 2014 report, which comprised 51 performance and 16 management audits, tabled in Parliament yesterday.

The ministries to be called up include: Housing and Local Government; Science, Technology and Innovation; Home; Defence; Finance; and Communication and Multimedia.

PAC will also call up officials from the Forest Research Institute

of Malaysia to explain its procurement management procedures and the National Population and Family Development Board over its management of the Nur Sejahtera clinics.

The ministries and agencies in question are expected to be called up before the next parliamentary sitting in June.

Nur Jazlan revealed that projects procured through a direct negotiation process, especially in the construction sector, continued to be among the most problematic.

The three People's Housing Programme (PPR) projects in Sabah, which remain incomplete, were obtained through a direct tender process. So was the construction and management of the Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia building in Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, which recorded weaknesses, he said.

"The policy when awarding contracts is up to the Government, but direct negotiations should only be adopted in cases where the project

is technologically specific or when only a few companies meet the expertise required.

"Where suitable, have an open tender system. Direct negotiation is not necessary for construction projects as many contractors are available," he added.

In a statement yesterday, Ambrin said to improve weaknesses reported, 84 recommendations were made for the federal government, 17 for statutory bodies and 112 for state governments.

The Finance Ministry also issued feedback reports which provided explanation and the actions taken.

Scrap non-performing GLCs, says PAC

By Joseph Sipalan
news@themalaymailonline.com

KUALA LUMPUR — The Finance Ministry should consider closing down non-performing companies in the Ministry of Finance Incorporated (MoF Inc) stable to cut down on wastage of government funds, the Public Accounts Committee (PAC) said yesterday.

PAC chairman Datuk Nur Jazlan Mohamed said there were government-owned companies that had little to show

despite the millions of ringgit in funds allocated to run their programmes.

He said Putrajaya should close down non-performing GLCs "if it makes sense" at a news conference.

"There must be a proper review being done on companies under MoF Inc so that they achieve their goals and the funds allocated focus only on priorities and not on legacy agencies that no longer have an objective."

"They could unify those entities to provide better efficiency in the use of funds allocated to these companies," Nur Jazlan said.

Taking the example of Perbadanan

Nasional Bhd (PNS) — tasked with developing local entrepreneurs through franchising — the Pulai MP said that it remains to be seen how many local businesses have succeeded with their help.

"We don't want to have all these allocations doled out but end up with no returns. Why do we maintain PNS?"

Nur Jazlan also aimed his guns on other GLCs such as TPM Biotech Sdn Bhd — which comes under the Ministry of Science, Technology and Innovation — and the Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), which is parked under Natural Resources and

Environment Ministry, questioning the returns the government has made on its investments in these entities.

He said it may be beneficial for the government to restructure and trim down the number of GLCs, especially if it intends to maximise returns on public investments.

"TPM Biotech was specifically (set up) to develop biotech and help biotech entrepreneurs, but what are the results?

"If the results are not good or there is wastage, why maintain the company? Even I forgot that FRIM exists. But is FRIM fulfilling its objectives?"

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 05
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)

Cuaca bukan punca nahas AS365

KUALA LUMPUR 6 April - Jabatan Meteorologi memaklumkan cuaca buruk tidak mungkin menjadi punca helikopter AS365 terhempas dan terbakar di Semeiniyah yang mengorbankan Ahli Parlimen Rompin, Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis; Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Azlin Alias dan empat yang lain.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, hal ini kerana, imej pada radar cuaca jabatan itu menunjukkan taburan hujan yang sedikit di lokasi nahas.

"Jumlah taburan hujan di kawasan nahas sewaktu kejadian adalah kurang berbanding keadaan di Kuala Lumpur. Kebiasaannya, taburan hujan sedikit-sedikit seperti itu tidak akan menjelaskan sebarang penerbangan.

"Pengangkutan udara masih boleh beroperasi ketika hujan sedikit-sedikit sementara sekiranya berlaku hujan lebat yang disertai ribut petir akan menyebabkan penerbangan ditangguhkan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4.55 petang Sabtu lalu, enam individu termasuk Jamaludin dan Azlin terbunuh apabila helikopter AS365 yang mereka naiki terhempas dan terbakar.



Jumlah taburan hujan di kawasan nahas sewaktu kejadian adalah kurang berbanding keadaan di Kuala Lumpur. Kebiasaannya, taburan hujan sedikit-sedikit seperti itu tidak akan menjelaskan sebarang penerbangan.

MOHD. HISHAM MOHD. ANIP

**Pegawai Meteorologi Kanan,
Pusat Cuaca Nasional,
Jabatan Meteorologi**

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)



Yuri's Night Di Planetarium Negara Pada 12 April

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Sambutan 'Yuri's Night 2015' bersempena ulang tahun ke-54 penerokaan manusia ke angkasa akan diadakan di Planetarium Negara pada 12 April ini.

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dalam satu kenyataan hari ini berkata Yuri's Night merupakan sebuah program tahunan yang disambut di seluruh dunia bagi memperingati kejayaan peneroka angkasa pertama iaitu Yuri Gagarin pada 12 April 1961.

"Ia juga detik sejarah pelancaran pesawat pengangkut pertama (space shuttle) ke angkasa pada 12 April 1981," kata kenyataan itu.

Bagi sambutan di Malaysia, ANGKASA dengan kerjasama Pusat Sains dan Kebudayaan Rusia (RCSC) akan menyediakan pelbagai aktiviti menarik, antaranya pameran sejarah penerokaan angkasa dan pencerapan planet Musytari.

Orang ramai boleh melayari laman web, Facebook, Twitter serta Instagram ANGKASA atau menghubungi Planetarium Negara di talian 03-2273 4303 untuk maklumat lanjut.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B2
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)

TPM Biotech sasar raih pendapatan RM5.49 juta

TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech) menyasar untuk menjana pendapatan AS\$1.5 juta (RM5.49 juta) tahun ini susulan kerjasamanya dengan Arman Muslim Foods Industrial Group of Xinjiang Ltd bagi menyediakan kepakaran dan perkhidmatan analisis serta persijilan halal kepada syarikat China berkenaan.

Arman adalah pengeluar dan peruncit produk makanan Muslim utama China manakala TPM Biotech adalah anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM).

Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari, berkata syarikat itu

akan menawarkan kepakaran dan perkhidmatan Makmal Sains Halal berteknologi canggih kepada penggiat industri makanan, produk dan perkhidmatan halal.

"Ia juga strategi menang-menang kepada kedua-dua syarikat untuk menembusi lagi pasaran global.

"Walaupun China sangat maju dalam ekonominya, namun ia masih memerlukan bantuan bagi sesetengah bidang seperti dalam produk halal," katanya selepas mendatangani perjanjian kerjasama antara dua syarikat itu di

"
ia juga strategi menang-menang kepada kedua-dua syarikat untuk menembusi lagi pasaran global"

Ahmad Husni Johari,
Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech

Kuala Lumpur, semalam.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Azman Shafidin.



Kerjasama sedia kajian, latihan

Ahmad Husni berkata, mengikut perjanjian selama setahun itu, TPM Biotech akan menyediakan kajian daya maju dan latihan dalam perniagaan produk halal kepada Arman dan kumpulan syarikatnya.

Arman Muslim Foods Industrial Group yang ditubuhkan pada tahun 1995 mempunyai pasar raya di Urumqi, ibu kota Xinjiang, dan turut mengedarkan produknya kepada lebih 2,700 kedai rangkaian francais Arman dan lebih 10,000 kedai di seluruh wilayah Xinjiang.

Sementara itu, Azman berkata, kerjasama itu hanya bagi peringkat awal dan sekiranya semua berjalan dengan baik, kedua-dua syarikat kemudian akan menjalinkan satu perkongsian.

BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)



TPM Biotech Sasar Pendapatan US\$1.5 Juta Susulan Kerjasama Arman Muslim Food

Oleh S. Joan Santani

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- **TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech)** menasarkan untuk menjana pendapatan US\$1.5 juta (US\$1 = RM3.66) tahun ini susulan kerjasamanya dengan Arman Muslim Foods Industrial Group of Xinjiang Ltd bagi menyediakan kepakaran dan perkhidmatan analisis serta persijilan halal kepada syarikat China berkenaan.

Arman merupakan pengeluar dan peruncit produk makanan Muslim utama China manakala **TPM Biotech adalah anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM).**

Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech Ahmad Husni Johari berkata syarikat itu akan menawarkan kepakaran dan perkhidmatan Makmal Sains Halal berteknologi canggih kepada penggiat industri makanan, produk dan perkhidmatan Muslim.

"Ia juga merupakan strategi menang menang kepada kedua-dua syarikat untuk menembusi lagi pasaran global.

"Walaupun China sangat maju dalam ekonominya, namun ia masih memerlukan bantuan bagi sesetengah bidang seperti dalam produk halal," katanya kepada Bernama selepas menandatangani perjanjian kerjasama antara dua syarikat itu di sini hari ini.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM Datuk Azman Shahidin.**

Ahmad Husni berkata mengikut perjanjian setahun itu, TPM Biotech akan menyediakan kajian kebolehlaksanaan dan latihan dalam perniagaan produk halal kepada Arman dan kumpulan syarikatnya.

Arman Muslim Foods Industrial Group yang ditubuhkan pada 1995 mempunyai pasaraya di Urumqi, ibu kota Xinjiang, dan turut mengedarkan produknya kepada lebih 2,700 kedai rangkaian francais Arman dan lebih 10,000 kedai di seluruh wilayah Xinjiang.

Sementara itu, Azman berkata kerjasama itu hanya bagi peringkat awal dan sekiranya semua berjalan dengan baik, kedua-dua syarikat kemudiannya akan menjalinkan satu perkongsian.

TPM Biotech menyediakan banyak latihan jangka pendek mengenai perniagaan produk halal kepada negara luar seperti Korea Selatan, Australia, Jepun dan Bahrain.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 07 APRIL 2015 (SELASA)



Teratai Tenang Syarikat Bumiputera Pertama Keluar Air Mineral Di Pantai Timur

HULU TERENGGANU, 6 April (Bernama) -- Syarikat Teratai Tenang Enterprise Sdn Bhd, menjadi syarikat Bumiputera Terengganu yang pertama menjalankan perusahaan air mineral di Pantai Timur dengan pengeluaran air mineral 'Akiya'.

Pengurusnya Zakaria Yusoh berkata kilang air mineralnya terletak di kawasan seluas 6.5 hektar di Kampung Kepah, Kuala Berang di sini dan mengambil masa enam tahun untuk mengeluarkan air mineral berkualiti.

"Pada awalnya, memang saya tak tahu pun di bawah tanah (tapak) yang saya beli dan dijadikan kilang sekarang ini mempunyai sumber air mineral, tapi selepas mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Geosains, memang benar tanah tersebut terdapat sumber air mineral.

"Membina kilang dan mengusahakan air mineral ini bukan perkara yang mudah, saya menjual tanah serta beberapa aset lain untuk mendapatkan modal sebanyak RM2 juta sebelum mengusahakan air mineral ini yang telah enam bulan beroperasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas lawatan Penggerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Roslee Daud ke kilangnya Isnin.

Zakaria berkata sebelum dipasarkan, air tersebut telah melalui ujian oleh **Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Nuklear Malaysia** serta ujian kesihatan dan kebersihan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Dengan bantuan 20 pekerja menggunakan beberapa mesin memproses air mineral separa automatik, kami dapat mengeluarkan 10,000 botol air mineral berkuantiti 500 mililiter (ml) dan 1500 ml sehari yang dipasarkan di seluruh Terengganu serta Klang, Selangor.

Kalau mempunyai mesin automatik sepenuhnya, kami boleh mengeluarkan hingga 43,000 botol sehari," katanya.

Sementara itu, Roslee berkata kerajaan negeri bersama agensi-agensi pembangunan usahawan yang lain sentiasa memantau prestasi usahawan di negeri ini dan sedia memberi bantuan yang diperlukan usahawan.

-- BERNAMA